

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 June 2015

Najib tidak
wajar dijatuhkan
secara 'mob
psychology'
11/6/2015

IPOH 6 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak tidak wajar dijatuhkan dalam situasi 'mob psychology' kerana beliau tidak melepaskan tangan apatah lagi menyorokkan sebarang fakta berkaitan Malaysia Development Berhad (IMDB) selepas tiga badan iaitu Jabatan Audit Negara, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan Bank Negara Malaysia diarah meneliti isu tersebut.

Pensyarah di Pusat Pengajian Kerajaan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Zainal Kling berpandangan, ketidakhadiran Perdana Menteri dalam majlis dialog 'Nothing To Hide' anjuran Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) atas nasihat Ketua Polis Negara semalam, merupakan satu tindakan betul bagi menghalang kemungkinan perkara tersebut berlaku.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas penganjuran Forum Bicara Perpaduan sempena sambutan Minggu Perpaduan peringkat negeri anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Perak di Institut Tadbiran Islam (Intim) di sini hari ini.

Majlis disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Kampung Baharu negeri, Datuk Dr. Mah Hang Soon dan turut dihadiri oleh Penolong Pengarah Bahagian Dasar JPNIN, Zulkhairi Zainal serta Timbalan Pengarah JPNIN Perak, Hajar Ahamed.

"Apabila orang telah ditanamkan kebencian terhadap Perdana Menteri dan didatangkan khalayak yang semuanya tidak menyukainya, cuma hendak menghentam dan menjatuhkan sahaja, jadi orang boleh bertindak ganas dalam Dewan tersebut.

"Apabila dituduh di khalayak ramai, orang akan menyerang Najib dan perkara ini akan memburukkan nama negara kerana kita telah 'mengganas' terhadap Perdana Menteri sendiri. Perkara ini tidak patut berlaku kerana Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang aman dan damai," katanya.